

# Lampiran Penerangan Produk - Insurans Kebakaran Komersial

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil **Insurans Kebakaran Komersial**. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

CHUBB®

## 1. Apakah tentang produk ini?

---

Polisi ini memberikan perlindungan kepada perniagaan dan/atau harta anda daripada kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran & kilat, kejadian kecurian/pecah masuk dan liabiliti anda terhadap tuntutan internet. Polisi ini adalah pakej insurans fleksibel yang membolehkan anda menyesuaikan polisi mengikut keperluan anda dengan sebaiknya.

## 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

---

Polisi ini memberikan perlindungan untuk:

- **Seksyen I - Kebakaran**

Seksyen ini melindungi harta anda daripada kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran dan kilat.

Anda boleh melanjutkan perlindungan untuk merangkumi risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- kerosakan pesawat;
- pecah atau limpahan tangki air, peralatan atau paip;
- kebakaran semak/lalang;
- kerosakan yang disebabkan oleh pokok tumbang atau ranting patah dan objek daripadanya
- gempa bumi dan letusan gunung berapi;
- letupan;
- banjir;
- kerosakan hentaman;
- rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat;
- ribut, ribut kencang;
- penenggelaman bumi dan tanah runtuh

- **Seksyen II - Pecah Masuk**

Melindungi kerugian atau kerosakan harta diinsuranskan yang berpunca daripada:

- kecurian harta dari premis sekiranya berlaku kemasukan ke premis dengan cara yang ganas atau paksa; atau
- kecurian oleh orang dalam premis yang kemudiannya berlaku dengan cara yang ganas atau paksa

- **Seksyen III - Liabiliti Internet**

Menanggung rugi anda bagi semua jumlah wang yang menjadi liabiliti anda di sisi undang-undang untuk membayarnya berhubung dengan tindakan salah yang berkaitan dengan aktiviti internet di laman internet.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan setiap tahun.

Catatan: Penerangan di atas adalah makluman ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunakan seperti mana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

© 2024 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb.Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

### 3. Berapa premium yang harus saya bayar?

---

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan kami, seksyen/manfaat yang diperlukan dan jumlah yang diinsuranskan/had yang diperlukan di bawah setiap seksyen.

(a) Seksyen I - Kebakaran

Perlindungan standard: RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM \_\_\_\_\_

Perlindungan tambahan (lanjutan & manfaat) : RM \_\_\_\_\_

Premium Anggaran: RM \_\_\_\_\_

(b) Seksyen Pilihan Lain:

Seksyen II - Pecah Masuk

Seksyen III - Liabiliti Internet

Perlindungan standard: RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM \_\_\_\_\_

Premium Anggaran: RM \_\_\_\_\_

Polisi ini tertakluk pada premium minimum RM 75.00.

### 4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

---

- Duti Setem - Bayaran sebanyak RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP) (dimasukkan dalam premium) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium) - maksimum 15% dari premium yang dikecualikan CP

### 5. Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

---

#### KEWAJIPAN ANDA KEPADA KAMI

1 Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna

1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:

- (a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan
- (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
- (c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

2 Kewajipan untuk bukan Polisi Insurans Pengguna

2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau
- (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

- Anda mesti memastikan harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai. Jika tidak, penyelesaian tuntutan akan dibuat pada Asas Purata.
- Anda mesti memaklumkan kepada perantara insurans anda atau kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting dalam tempoh polisi supaya pindaan yang perlu dapat diendorskan pada polisi anda.
- Deduktibel/lebih adalah jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan / pengendorsan / pembaharuan polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak menerima premium pro rata untuk tempoh yang dilindungi.
- Sekiranya tuntutan dikemukakan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans tersebut secepat mungkin setelah Pihak yang Diinsuranskan mengetahuinya.

## 6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian atau kerosakan, seperti kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada atau disumbangkan oleh:

- pembakaran harta atas arahan mana-mana pihak berkuasa awam dan/atau kebakaran bawah tanah;
- bahan senjata nuklear;
- perang, perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- radiasi pengionan atau pencemaran radioaktiviti yang berpunca daripada bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
- pengenalan tarikh

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

## 7. Bolehkan saya membatalkan Polisi?

---

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan dibuat, Anda mungkin berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat tertakluk pada premium minimum yang akan dikekalkan oleh Kami dan tertakluk pada tuntutan yang telah dibuat.

## 8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam butir hubungan saya?

---

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

## 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kebakaran Komersial anda boleh menghubungi pengantara insurans anda atau cawangan kami atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
 No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
 Wisma Chubb  
 38 Jalan Sultan Ismail  
 50250 Kuala Lumpur  
 T +6 03 2058 3000  
 F +6 03 2058 3333  
 E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
 W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan.

---

Kelas polisi individu.

**NOTA PENTING:**

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 01/06/2024.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).